

# Kerajaan tak zalim nafikan hak rakyat

**Tumpat:** Kerajaan sama sekali tidak akan berlaku zalim kepada rakyat atau menganaktirikan negeri pembangkang biarpun berbeza fahaman politik, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Tegas Perdana Menteri, hak rakyat tidak akan dinafikan, terutama dalam hal keagamaan serta kebajikan.

“Perundingan baik antara Ke-

rajaan Persekutuan dan negeri sangat diperlukan untuk membantu rakyat walau memilih (pilihan raya) itu keputusan rakyat.

“Bila saya jadi PM, saya tak mahu zalim, nafikan hak rakyat dan buat tuduhan palsu untuk sumbat orang dalam penjara walau itu sudah saya lalui (dipenjarakan).

“Kita (kerajaan) ada berbeza pendapat, tapi saya tak akan zalim. Soal pilihan raya negeri, nak berbalah, kita berbalah, tapi jangan bebankan rakyat,” katanya pada majlis penyerahan cek bagi projek naik taraf Masjid At-Taqwa, di sini, semalam.

Beliau yang ditemani isteri, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, menyerahkan sumbangan RM7.76 juta untuk projek terbabit, peruntukan terbesar yang disalurkan sejak tujuh bulan menjadi Perdana Menteri.

## Terima dana besar

Perdana Menteri berkata, Kelantan antara negeri yang menerima peruntukan paling besar dalam Belanjawan MADANI dan perkara yang sama dinikmati Kedah, yang juga negeri pembangkang.

Di Kelantan, katanya, isu bekalan air serta banjir turut diutamakan kerana ia membabitkan rakyat, malah peruntukan RM103,863,258 turut disalurkan kepada imam, bilal, siak, guru takmir dan guru Kelas Agama dan Fardu Ain (KAFA) di negeri itu.

Sementara itu, pada Majlis Amanat Khas kepada Penjawat Awam Negeri Kelantan, di sini, Anwar menyifatkan Malaysia sebuah negara yang makmur, namun mengalami ‘kebocoran’ yang banyak, termasuk dalam isu pemberian subsidi.

Perdana Menteri berkata, sub-



Anwar diiringi Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob (tengah) menyampaikah replika cek kepada Pengerusi Masjid At-Taqwa Mukim Alor Pasir Aziz Mohamad bagi projek menaik taraf Masjid At-Taqwa Mukim Alor Pasir, semalam. (Foto BERNAMA)

sidi seperti bahan api diesel dan petrol untuk orang miskin ‘disakau’ dengan begitu banyak.

Justeru, katanya, perkara itu akan diperbetulkan dan diberi penekanan Kerajaan Perpaduan supaya golongan yang benar-benar layak sahaja menikmati subsidi selepas ini.

“Sebab itu badan penguat kuasa, terutama di kawasan sempadan, termasuk di Kelantan perlu melaksanakan tugas dengan baik.

“Sebagai contoh, kerajaan menanggung subsidi elektrik RM30 bilion tahun ini sekiranya kita tidak kawal. Disebabkan itu bagi golongan kaya kita akan naikkan kadar elektrik, manakala rakyat biasa tidak akan terbabit.

“Begitu juga dengan Tabung Haji (TH), kenapa mereka yang bergaji RM50,000 sebulan perlu diberi subsidi oleh TH? Jika tiada tindakan dilakukan, TH akan terus terbeban,” katanya.